

Bengkel Pentadbiran Dan Makmal SST

Artikel oleh: Norasiah Najal

Bengkel Pentadbiran dan Makmal SST telah diadakan di Lembah Impian Country Homes, Penampang pada 30 Disember 2012 sehingga 1 Januari 2013. Seramai 50 orang peserta yang terdiri daripada kakitangan pengurusan dan sokongan SST telah menjayakan bengkel berkenaan. Setiap peserta dibahagikan kepada beberapa kumpulan mengikut bidang tugas masing-masing iaitu sebanyak 3 kumpulan daripada bahagian pentadbiran dan 5 kumpulan daripada bahagian makmal. Setiap kumpulan ini telah membentangkan masalah yang dihadapi dalam menjalankan tugas seharian serta cadangan untuk menyelesaikan masalah berkenaan. Selain itu, beberapa orang pensyarah SST juga terlibat menjayakan bengkel berkenaan di samping menjadi pengadil bagi setiap kumpulan pembentangan. Bengkel telah dirasmikan oleh Yang Berusaha Dekan SST dan terima kasih kami ucapkan kerana telah memberikan peluang kepada semua kakitangan pentadbiran dan sokongan untuk berbincang dan memberi pendapat



masing-masing di samping beristirahat di tempat yang indah serta jauh dari kesibukan kota. Adalah diharapkan agar resolusi bengkel yang telah dibentangkan dapat dimanfaatkan bagi memperbaiki lagi mutu perkhidmatan kakitangan pentadbiran dan makmal SST.

